

AMP hormai Times Printers tidak cetak semula karikatur Nabi dalam 'The Economist' di sini

20 Jan 2015

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) menghormai langkah yang diambil syarikat percetakan Times Printers tidak mencetak semula karikatur Nabi Muhammad yang tertera pada muka depan majalah satira Charlie Hebdo dalam majalah mingguan The Economist di Singapura.

Dalam satu kenyataan kepada media semalam, Lembaga Pengarah AMP berkata syarikat itu telah mengambil keputusan yang bertanggungjawab bagi melindungi sensitiviti masyarakat setempat.

AMP turut menghormai langkah The Economist membuang gambar tersebut daripada penerbitannya.

Satira seperti yang dipaparkan dan disebarkan Charlie Hebdo, yang mempermainkan isu bangsa dan agama sebagai dasarnya, tiada tempat di negara yang berbilang bangsa dan agama seperti Singapura, kata AMP.

"Sebagai badan yang bebas, AMP berpegang teguh pada kebebasan bersuara.

"Bagaimanapun, sementara kami menyokong sekitaran yang membolehkan mana-mana individu atau badan bebas berbicara, kami juga menyokong sekitaran yang saling menghormati.

"Kebebasan suara harus dilakukan secara bertanggungjawab dan serangan terhadap individu ataupun kumpulan tertentu tidak harus dilakukan dengan alasan kebebasan bersuara," kata AMP.

Tambahnya, badan itu juga berharap Singapura akan terus memupuk sekitaran yang menggalak kebebasan bersuara dan agar warga setempat dapat terus memupuk keharmonian dalam kalangan pelbagai masyarakat di sini.

Dalam keluaran 17 hingga 23 Januari majalah The Economist di sini terdapat halaman kosong di muka 22 dengan mesej tertera di tengah-tengahnya.

Antara lain mesej itu menyatakan 'Pencetak Singapura enggan mencetaknya'.

Jumaat lalu, Menteri Perhubungan dan Penerangan, Dr Yaacob Ibrahim, berkata pemerintah tidak akan membenarkan majalah satira Charlie Hebdo yang memaparkan karikatur Nabi Muhammad itu diedarkan di Singapura.

Beliau turut memuji keputusan Times Printers tidak mencetak semula karikatur pada muka depan majalah satira itu dalam majalah The Economist di Singapura.

Tambahnya, tindakan The Economist mencetak halaman kosong itu merupakan hak mereka.